



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 14/2022

PENGGUNAAN ISTILAH BAGI STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Penggunaan Istilah bagi Staf Universiti seperti berikut:

NO.	ISTILAH	GRED JAWATAN	TAKRIFAN
1.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik)	41 ke atas	Kumpulan Perkhidmatan yang terdiri daripada skim perkhidmatan yang memperuntukkan syarat kelayakan masuk sekurang-kurangnya sarjana muda atau kelayakan-kelayakan lain yang lebih tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan.
2.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran)		
3.	Kumpulan Pelaksana	40 ke bawah	Kumpulan Perkhidmatan yang terdiri daripada skim-skim perkhidmatan memperuntukkan syarat kelayakan masuk peringkat diploma dan ke bawah yang diiktiraf oleh Kerajaan.

2. Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dalam Mesyuarat Bil.10/2022 (Kali Ke-256) pada 19 Jun 2022 telah bersetuju meluluskan penggunaan istilah **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik)**, **Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran)** dan **Kumpulan Pelaksana** digunakan bagi merujuk kepada Staf Akademik, Staf Pentadbiran dan Staf Sokongan di UMK.
3. Sehubungan itu, semua pihak dipohon untuk mengambil maklum berkaitan perkara ini dan perlu menggunakan istilah tersebut dalam sebarang urusan rasmi Universiti.
4. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



MAZULA BINTI SABUDIN

Pendaftar

27 JUN 2022

s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab